

SOALAN NO. : 50

DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]

TARIKH : 2 OGOS 2017 (RABU)

SOALAN:

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah pelan tindakan Kerajaan dalam menangani masalah penarikan diri Amerika Syarikat daripada menyertai Perjanjian Iklim Paris 2015 serta apakah kesan kepada ekologi negara khususnya isu pemanasan global dan peningkatan paras air laut sekiranya perjanjian ini gagal.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Keputusan Amerika Syarikat (AS) untuk menarik diri daripada Perjanjian Paris mengenai perubahan iklim mengecewakan ramai pihak. Sebagai salah satu kuasa besar dalam ekonomi dan keselamatan global, tindakan Amerika Syarikat menarik diri dari Perjanjian Paris merupakan keputusan yang bercanggah dengan persetujuan yang telah dicapai sebelum ini. Susulan daripada perkara tersebut, Kesatuan Eropah, China, India dan negara-negara lain mengambil pendirian untuk terus kekal di dalam Perjanjian Paris.

Malaysia juga akan meneruskan komitmen yang dipersetujui di dalam Perjanjian Paris dan akan bersama-sama dengan 151 buah negara lain yang telah meratifikasi Perjanjian Paris untuk bekerjasama menangani isu alam sekitar dan perubahan iklim.

Tuan Yang di-Pertua,

Perjanjian Paris bertujuan untuk mengehadkan peningkatan suhu purata global di bawah 2 darjah Celcius dan meningkatkan usaha untuk mengehadkan peningkatan suhu purata global di bawah 1.5 darjah Celcius.

Berdasarkan Laporan Penilaian Ke-6 Panel Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim (IPCC AR-6) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2014 menjelaskan kesan negatif yang akan dihadapi dunia jika kita

tidak mengambil langkah mengawal kesan perubahan iklim. Kesan negatif tersebut adalah seperti kenaikan aras laut (sea-level rise) yang akan mengakibatkan bencana alam seperti banjir dan taufan. Rantau Asia Tenggara termasuk Malaysia juga dijangkakan akan mengalami kesan tersebut sepertimana yang dinyatakan dalam laporan tersebut.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (51)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 2 OGOS 2017
[KHAMIS]

DARIPADA : YB DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]

SOALAN :

YB DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah "Top 10" aspirasi yang telah disampaikan hasil daripada pelbagai siri TN50 yang telah diadakan dan bagaimanakah Kementerian akan memastikan "aspirasi 10 tertinggi" ini dapat diterapkan dalam rancangan pembangunan negara.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Transformasi Nasional 2050 (TN50) telah dilancarkan pada 19 Januari 2017 semasa Sesi Dialog Perdana di Universiti Malaya. TN50 merupakan kesinambungan kepada proses pembangunan tanahair bermula daripada Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971-1990, diikuti dengan Wawasan 2020 pada 1991-2020 dan kini Transformasi Nasional 2050. Proses pengumpulan aspirasi untuk TN50 bagi golongan belia dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Jabatan Perdana Menteri pula mengkoordinasikan input aspirasi golongan selain daripada belia yang dilaksanakan oleh semua kementerian/jabatan/agensi dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

Proses pengumpulan aspirasi TN50 ini menggunakan pendekatan *bottom up*. Ini bersesuaian dengan *trend* semasa iaitu segenap lapisan rakyat boleh dan terlibat sama dalam melakar masa hadapan negara melalui aspirasi yang dicadangkan. Secara tidak langsung, rakyat

Malaysia mempunyai tanggungjawab dan peranan yang penting dan bersama-sama Kerajaan mencorakkan masa hadapan negara.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai kaedah dalam memberikan kesedaran kepada rakyat tentang senario dunia pada tahun 2050 seterusnya mengumpulkan aspirasi rakyat bagi membentuk negara bangsa yang maju, mampan dan cemerlang pada tahun 2050. Antaranya dengan mengadakan sesi dialog, perbincangan meja bulat, mesyuarat bersama kumpulan fokus, penyediaan saluran komunikasi melalui media sosial dan sebagainya. Segala input yang diperolehi seterusnya akan didokumenkan sebagai dokumen dasar ke arah Malaysia pada tahun 2050.

Sejumlah 52,000 aspirasi melibatkan 1.4 juta belia telah dikumpul sehingga Jun 2017. Manakala bagi tempoh April 2017 hingga bulan Jun 2017, 8,300 aspirasi telah berjaya dikumpul daripada golongan selain belia melalui sesi libat urus bersama-sama 3,500 individu.

Untuk makluman, lebih banyak aspirasi-aspirasi lain akan diperolehi melalui pelbagai aktiviti TN50 lain yang telah dirancang dan akan dilaksanakan. Semua aspirasi yang diterima daripada rakyat akan

diambil kira dalam menghasilkan visi Transformasi Nasional 2050 yang akan menjadi asas kepada rancangan pembangunan negara akan datang. Bertunjangkan konsep "Oleh Rakyat, Untuk Rakyat", Kerajaan komited untuk memenuhi aspirasi rakyat. Namun, kejayaan TN50 memerlukan sokongan padu dan usaha sama semua.

Sekian, terima kasih.

27 Julai 2017

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN
BAKRI [KUDAT]**

TARIKH : 2 OGOS 2017 (RABU)

SOALAN : 52

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang
untuk membina loji rawatan air yang baru di Daerah
Pitas memandangkan loji sedia ada sering rosak dan
tidak mampu menampung keperluan semasa air
penduduk Daerah Pitas.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian pada masa kini sedang melaksanakan satu (1) projek pembinaan loji air di daerah Pitas iaitu Projek Pembinaan Loji Rawatan Air Ke-2 Pitas, Sabah yang dianggarkan bernilai RM 52 juta. Status terkini pelaksanaan projek adalah di dalam proses rekabentuk oleh pihak perunding yang dilantik. Projek ini dijangka dapat ditender pada bulan Oktober 2017.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kemampuan Loji Rawatan Air Pekan Pitas sedia ada hanya mempunyai kapasiti pengeluaran air bersih dan terawat sebanyak 4 Juta Liter Sehari (JLH) dan tidak mampu untuk memenuhi permintaan semasa sehingga catuan bekalan air terpaksa dilaksanakan dengan sebahagian kawasan hanya mendapat bekalan air 2 hari dalam seminggu.

Oleh yang demikian, projek ini akan membina tambahan loji rawatan air berkapasiti 10 Juta Liter Sehari (JLH) dan dapat memberi manfaat kepada

pengguna sedia ada yang terdiri daripada 1,800 buah rumah, sebuah hospital, 2 klinik desa, 10 buah sekolah, sektor komersial dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) serta permintaan di masa hadapan.